

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.02.01/10.12/2 Jld. 4 (74)

17 Mac 2026
27 Ramadan 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2026

PENGANJURAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2026 PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN UNIVERSITI

Dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti bersetuju menyahut seruan Kerajaan berhubung ketetapan tiada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2026. Ketetapan ini selaras dengan kenyataan Sidang Media Khas YAB Perdana Menteri pada 11 Mac 2026 sebagai langkah berjimat cermat susulan ketidaktentuan ekonomi global.

2. Sehubungan itu, Universiti menetapkan bahawa tiada penganjuran majlis rumah terbuka atau sambutan Hari Raya Aidilfitri di semua peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) mahupun peringkat Universiti bagi tahun 2026. Sebarang perancangan program atau peruntukan berkaitan hendaklah disusun semula mengikut keutamaan semasa, khususnya bagi menyokong keperluan operasi dan akademik universiti.

3. Universiti amat menghargai kerjasama dan komitmen seluruh warga Universiti dalam menyokong langkah ini. Semoga kemeriahan dan keberkatan Syawal tetap dapat dirasai walaupun disambut dalam suasana yang lebih sederhana.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah